

Tindakan ikut cara Barat: PM

BH 20 FEB 1994

Oleh Kamal Ahmad

KUALA LUMPUR, Jumaat — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata keputusan Kabinet tidak melayan syarikat Britain dalam pemberian kontrak kerajaan pada masa akan datang adalah satu bentuk tindakan ekonomi mengikut cara Barat mengenakan tekanan kepada negara kecil.

Perdana Menteri berkata, negara Barat boleh menggunakan tekanan ekonomi dengan mengugut hendak menarik balik Sistem Keutamaan Am (GSP) kerana kononnya Malaysia tidak menghormati hak asasi manusia dan prihatin mengenai alam sekitar.

"Sikit saja kita tercuik, dia cuba gunakan tekanan ekonomi. Kalau kita salah sikat, dia nak tarik GSP.

"(Tindakan) ini kita belajar dari mereka. Jadi kalau dia boleh buat, kita pun boleh buat seperti itu.

"Mereka gunakan senjata ekonomi setiap masa untuk memaksa kita supaya kononnya lebih demokratik, menghormati hak asasi manusia dan prihatin kepada alam sekitar," katanya.

Dr Mahathir juga berkata, media British masih berfikiran penjajah dan menganggap bangsa selain Eropah giat mengemukakan rasuah dan mudah dirasuah.

Perdana Menteri menegaskan, media di negara itu mengamalkan kebebasan untuk menyiarkan laporan bohong dan karut.

"Keputusan kerajaan itu tidak menjejaskan hubungan baik antara kerajaan kedua-dua negara.

"Kita tidak ada apa-apa selisih faham dengan kerajaan Britain.

"Kita hanya marah dengan media Britain. Media mereka masih berfikiran kolonial yang beranggapan orang yang tidak seperti mereka semua korupsi dan boleh dikorupsikan bila-bila masa saja.

"Dengan AS\$50,000 (RM135,000) untuk seorang Perdana Menteri dan dia boleh dapat kontrak AS\$1 bilion (RM2.7 bilion).

"Kalau mereka berterusan seperti ini, kita tidak akan beri apa-apa lagi kontrak kepada syarikat British," katanya dalam sidang akhbar malam ini.

Beliau berkata demikian ketika mengulas kenyataan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, yang mengumumkan keputusan Kabinet tidak akan melayan sebarang penyertaan syarikat British untuk kontrak baru, khususnya yang membabitkan bantuan kerajaan, berikutan pelbagai lapo-

ran palsu yang membujurkan nama negara dan maruah pemimpin Malaysia oleh akhbar di negara itu.

Terdahulu daripada itu, Perdana Menteri menyampaikan sumbangan hari raya kepada 350 anak yatim dari Wilayah Persekutuan dan membuka puasa di Bangunan Tabung Haji, di sini.

"Saya tidak tahu bagaimana dia tuduh kita rasuah sedang syarikat yang kononnya membayar AS\$50,000 kepada saya tidak dapat kontrak.

"Kalau dia dapat pun dia boleh kata dia bayar kepada orang kononnya orang itu bayar ke dalam akaun sulit saya di Switzerland. Jadi, siapa pun boleh cerita macam itu.

"Ini dia bagi tapi tak dapat. Lepas itu dia marah. Kita bukan kaki terima duit.

"Dia anggap kalau bangsa Timur semua kaki terima duit belaka.

"Jadi kalau kita beri kontrak kepada syarikat British, akibatnya kita dituduh macam-macam. Lebih baik tidak beri," katanya.

Dr Mahathir berkata, Malaysia tidak mampu menahan sabar dengan kehairanan akhbar British melaporkan berita palsu, walaupun sekian lama kerajaan cuba berto-

lak ansur dan mengangap perkara itu hal politik dalaman mereka.

"Kita sudah tahan seberapa lama boleh dan kita tolak ansur.

"Mereka nak jatuhkan (Perdana Menteri British) John Major, kita tidak campur tangan tapi bila mula kaitkan kita dengan rasuah dan tulis macam-macam lagi, saya ingat sudah sampai tahap kita tidak tahan.

"Inilah yang dikatakan kebebasan berakhbar di Barat. Kita sokong akhbar mesti bebas untuk melaporkan benda yang benar.

"Bila ia melaporkan benda bohong dan karut, ini bukan satu kebebasan. Ini satu lesen untuk salah guna kuasa," katanya.

Ditanya sama ada Malaysia akan mengemukakan bantahan rasmi kepada Britain, Perdana Menteri menegaskan:

"Tidak payah. Bantahan rasmi tidak ada kesan. Malah, kalau kita bawa ke mahkamahpun tidak akan dapat keadilan."

Mengenai kunjungan Pesuruhjaya Tinggi British ke pejabatnya hari ini, Dr Mahathir berkata tujuan kunjungan itu adalah untuk memujuk kerajaan supaya tidak bertindak sesuatu, tetapi ia sudah terlambat.

Wimpey offered contract bribes to Malaysian prime minister

By John Davison

WIMPEY, the British construction giant, was involved in negotiating "special payments" to politicians in Malaysia "at the highest level" in pursuit of a £615m building contract for an aluminium smelter.

Confidential company documents obtained by The Sunday Times show that an initial payment of \$50,000 was approved for payment to a middle man, who was to pay it into nominated "account numbers in Switzerland" for a team of politicians in Malaysia which was helping Wimpey win the contract.

seeking British aid. Negotiations and a feasibility study ran through the summer of 1985. By September, however, the political "team" recruited by Wimpey in Malaysia was "pressing for payments as an earnest of Wimpey's intentions". The

went on payment." Elsewhere in the documents he states this would be a "limited payment in advance" to further agreement to move on to phase two of the feasibility study. He proposed a first payment of \$50,000 to be made by the end of September, with

Yesterday McDowall denied that any money had been paid in bribes to politicians, directly or indirectly, in an attempt to secure the contract.

He added: "What you have got to understand is that when you have got people on the ground in Malaysia trying to win a contract, you have to play ball with them to a certain stage to try and keep in the race. If you understand what I am saying then you will understand why I did what I did at the time."

A spokeswoman for the company denied reports of a £2

New evidence links aid for Malaysian dam to arms deal